

PING PONG

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan Ping Pong MASUM akan menggunakan peraturan sepertimana berikut:

- 1.1.1 Tertakluk kepada Peraturan Am MASUM.
- 1.1.2 Mengikut peraturan terkini yang terkandung di dalam undang-undang '*International Table Tennis Federation*' (ITTF).
- 1.1.3 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi merujuk kepada '*International Table Tennis Federation*' (ITTF).

2. PENDAFTARAN PERMAINAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

2.1 Acara yang dipertandingkan adalah sepertimana berikut:

Acara	Lelaki	Wanita	Campuran
Individu	Perseorangan	Perseorangan	Beregu
	Beregu	Beregu	

2.2 Setiap pasukan IPTA dibenarkan menghantar penyertaan seperti berikut:

- 2.2.1 8 orang atlet lelaki, 8 orang atlet wanita dan 3 orang pegawai/jurulatih.
- 2.2.2 Acara Perseorangan : maksima 2 penyertaan (2 orang atlet)
- 2.2.3 Acara Beregu Lelaki/Wanita : 2 penyertaan (4 orang atlet)
- 2.3.4 Acara Beregu Campuran : maksima 2 penyertaan (4 orang atlet)

2.3 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja .

3 SISTEM PERTANDINGAN

3.1 Sila rujuk Peraturan Am (9.0) MASUM

3.2 Setiap perlawanan akan diputuskan dengan tiga (3) Kemenangan daripada lima (5) permainan (*best of 5 sets*).

4 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

4.1 Cara memberi mata :
Menang : 2 mata
Kalah : 0 mata

4.2 Jika dua (2) pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pasukan yang mengalahkan lawannya dikira menang.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



- 4.3 Jika tiga (3) pasukan atau lebih mendapat jumlah mata yang sama, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut :
- Bilangan Perlawanan : Jumlah menang – kalah, sekiranya sama
 - Bilangan Permainan/Set : Jumlah menang – kalah, sekiranya sama
 - Bilangan mata permainan:Jumlah menang – kalah

5 PAKAIAN

- 5.1 Warna pakaian bermaina MESTILAH berbeza dengan warna bola dan mendapat kelulusan pengadil.

6 PERALATAN RASMI

- 6.1 Bola Nittaku 3 star 40+ premium akan digunakan sepanjang pertandingan (tertakluk kepada perubahan)

7 KELEWATAN

- 7.1 Hanya 15 minit sahaja akan diberi kepada seseorang pemain yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan mata 11-0, 11-0, 11-0

8 BANTAHAN

- 8.1 Sila rujuk Peraturan Am (13.0) MASUM

9 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 9.1 Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM

10 RINGKASAN PENYERTAAN

- 10.1 Pendaftaran penyertaan maksima bagi setiap pasukan adalah seperti berikut:

Acara/Kategori	Lelaki	Wanita	Pegawai/Jurulatih
Perseorangan Lelaki	2	-	3
Perseorangan Wanita	-	2	
Beregu Lelaki	4	-	
Beregu Wanita	-	4	
Beregu Campuran	2	2	
Jumlah	8	8	3